

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sabah

Tarikh : 15/04/2020

Edisi / Muka Surat : Sabah / 6

Tajuk : Koperasi IPDAS Keningau serah bantuan penerima di Kg Menawo

Koperasi IPDAS Keningau serah bantuan penerima di Kg Menawo

KENINGAU: Koperasi Pusat Pembangunan Kecemerlangan Mahasiswa Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Keningau Berhad menyampaikan bantuan makanan kepada masyarakat sekitar Kg Menawo kelmarin.

Ahli Lembaga Pengarah IPDAS Ustazah Norhikmah Masir berkata, sumbangan yang dilaksanakan bersama Kelab Bakti IPDAS itu merupakan hasil kutipan dari orang ramai untuk Tabung Prihatin COVID-19

IPDAS.

“Sumbangan fasa pertama ini melibatkan 36 penerima yang terdiri daripada pesara dan staf IPDAS, ibu tunggal, mangsa kebakaran dan keluarga yang terjejas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.

Hadir sama Pengerusi Kelab Bakti IPDAS Rosman Suni dan timbalan Rona Raniza Ardi.

Norhikmah menyampaikan sumbangan berkenaan bagi pihak Pengarah IPDAS.



BANTUAN: Norhikmah (kiri) menyampaikan bantuan kepada penerima.